



PEJABAT KETUA PENGARAH  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN  
MAKANAN (KPKM)  
Department of Fisheries Malaysia  
Ministry of Agriculture and Food Security  
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI  
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62628 PUTRAJAYA

No. Tel : 03 – 8870 4426  
Emel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)  
Laman Web : <https://www.dof.gov.my>

---

## KEBERANGKATAN DULI YANG AMAT MULIA RAJA DI HILIR PERAK DARUL RIDZUAN, RAJA ISKANDAR RAJA DZURKARNAIN IBNI ALMARHUM SULTAN IDRIS A'FIFULLAH SHAH KE PUSAT KONSERVASI DAN PENERANGAN PENYU SEGARI

15 JULAI, MANJUNG – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menzahirkan ucapan terima kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Raja Di Hilir Perak Darul Ridzuan, Raja Iskandar Raja Dzurkarnain Ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah yang sudi mencemar duli berangkat ke Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Segari.

Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Segari merupakan pusat pengurusan penyu yang pertama di Negeri Perak. Penubuhan pada tahun 1989 di atas kawasan seluas 2.2 hektar ini berfungsi sebagai pusat penyelidikan, penetasan dan pengurusan penyu serta program publisiti.

Melalui Kaedah-Kaedah Perikanan (Penyu) (Perak) 2021, Bahagian IV (Kesalahan) Larangan Berhubung Penyu, Perkara 10 subkaedah 1 dan 2, Jabatan Perikanan Negeri Perak dapat melindungi dan mengurus penyu-penyu dari ancaman-ancaman seperti pemburuan terhadap penyu dan telur sebagai pilihan makanan eksotik serta pembuangan jaring terbiar (*ghost net*) yang memerangkap penyu.

Merujuk kepada data pendaratan penyu tahun 2022 di Malaysia, Perak mencatatkan sebanyak 61 pendaratan penyu Agar. Negeri Perak merupakan negeri ketiga yang tertinggi menerima pendaratan penyu selepas Terengganu (9,618) dan Pahang (368). Jabatan Perikanan Negeri Perak telah mengenalpasti tiga habitat utama antaranya, sepanjang pantai Teluk Cina hingga ke Teluk Akuan di Pasir Panjang Segari, beberapa pantai sekitar Pulau Pangkor termasuk pantai Teluk Ketapang, Pulau Pangkor dan Pulau Lalang dan Pulau Rumbia di Kepulauan Sembilan.

Sarang yang sering menjadi kawasan pendaratan penyu ini adalah di Sungai Puyu, Pasir Panjang, Teluk Cina dan Pasir Pandak. Antara spesies penyu yang sering mendarat adalah Penyu Agar (*Green turtle*) dan Penyu Lipas (*Olive ridley turtle*).

Pusat ini telah menerima seramai 31,083 pengunjung pada tahun 2022 dan jumlah pengunjung dianggarkan akan meningkat pada tahun ini selepas penambahbaikan fasiliti dijalankan.

YAM Raja Iskandar Raja Dzurkarnain turut berkesempatan meluangkan masa melawat kolam penyu Karah, kolam penyu Agar, nurseri asuhan anak penyu dan galeri pameran statik. Tuanku turut menyaksikan demonstrasi pemeriksaan sarang penyu, menanam pokok ambung-ambung dan melepaskan penyu ke laut.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my); [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)